

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
KAWASAN : **HULU LANGAT**
TARIKH BAHAS : **15.03.2017 (RABU)**
NO. SOALAN : **49**

DATUK DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah ada produk-produk yang dihasilkan dari nadir bumi yang dikeluarkan oleh syarikat Lynas dimanfaatkan dalam Industri tempatan atau semuanya untuk diekspot.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) ialah syarikat pengeluar yang telah diluluskan Lesen Pengilang pada 22 Januari 2008 bagi mengeluarkan *rare earth oxides* dan *carbonates*. Pada masa ini, syarikat Lynas merupakan satu-satunya pengeluar *rare earth oxide* di Malaysia.

Nadir bumi adalah sejenis bahan mentah yang digunakan secara meluas dalam aplikasi industri yang berteknologi tinggi seperti dalam bidang industri aeroangkasa, penerbangan, elektronik, teknologi informasi, sumber

tenaga dan perubatan. Bahan ini juga digunakan dengan meluas dalam industri bahan berteraskan magnet seperti kincir angin, penghasilan laser dan bahan *superconductor*.

Antara barangan keperluan harian yang menggunakan bahan mentah berasaskan nadir bumi adalah telefon bimbit, *catalytic converter* bagi kereta, bahan magnet dan lampu *fluorescent*. Secara amnya, keluaran syarikat Lynas mensasarkan kepada penghasilan industri yang berasaskan teknologi hijau.

Setakat Mac 2017, keluaran pihak syarikat masih belum digunakan oleh industri tempatan memandangkan keseluruhan produk syarikat Lynas diekspot ke luar negara kerana syarikat mempunyai kontrak jangka panjang dengan syarikat-syarikat di luar negara. Dalam masa yang sama, syarikat Lynas telah menerima pertanyaan daripada beberapa syarikat tempatan yang telah menunjukkan minat untuk mendapatkan bahan keluaran Lynas bagi tujuan pembangunan industri hiliran di dalam negara. Sehubungan itu, syarikat Lynas sedang berusaha untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi memenuhi permintaan syarikat-syarikat tempatan pada masa hadapan.